

01/11/2003

Abdullah warisi ketokohan datuk

Mutazar Abd Ghani

SELAIN berpengalaman luas dalam bidang politik dan pentadbiran negara, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga mempunyai latar belakang agama yang

kukuh kerana beliau berasal daripada keluarga ulama dan politik yang berpengaruh di Pulau Pinang.

Malah, beliau sendiri memiliki ijazah dalam bidang Pengajian Islam dari

Universiti Malaya.

Bapa Abdullah, Ahmad Badawi adalah bekas mufti pertama Pulau Pinang, manakala datuknya, Abdullah Fahim, ulama terkenal dan seorang daripada pengasas Umno.

Ahmad Badawi yang meninggal dunia pada 7 Mei 1977 ketika berusia 72 tahun adalah juga antara orang Melayu terawal menyertai Umno dan pernah menjadi Timbalan Ketua Pemuda Umno selama 18 tahun.

Datuknya pula, Abdullah Fahim atau nama sebenarnya Abdullah Ibrahim adalah seorang tokoh ulama dan pendidik yang gigih serta banyak menabur jasa terhadap perkembangan Islam serta kemajuan masyarakat dan politik negara ini.

Menurut buku Abdullah Fahim - Perjuangan Seorang Tokoh Agama dan Kemerdekaan, Abdullah Fahim yang mempunyai kemahiran dalam ilmu syariah, usuluddin, tasawuf, tarikat, tafsir al-Quran, al-Hadis dan al-Falak dilahirkan di Makkah pada 1870, ketika bapanya, Sheikh Ibrahim Tahir bermastautin di tanah suci dan menjadi guru agama di Masjid al-Haram dalam bidang pengajian al-Quran.

Ketika pulang ke tanah air pada 1916, Abdullah Fahim meneruskan kegiatan mengajar agama dengan menjadikan rumah pusakanya di Kepala Batas sebagai pusat kegiatan berkenaan, selain menerima jemputan mengajar di tempat lain.

Menyedari kepentingan perkembangan ilmu Islam di kalangan anak bangsa, beliau mengasaskan sekolah agama sistem pondok yang pertama iaitu Sekolah Agama Daeratul Maarif Al-Wataniah di Kepala Batas, Pulau Pinang.

Sebagai seorang daripada pengasas Umno, Abdullah Fahim turut memainkan peranan penting dalam menetapkan tarikh kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957.

Berdasarkan latar belakang seluruh keluarganya yang dipenuhi dengan pelbagai kegiatan keagamaan, Perdana Menteri kelima ini sejak kecil lagi menerima pendidikan sempurna dalam bidang agama untuk membimbingnya dalam mengharungi masa depan.

Kesan didikan agama yang kuat sejak kecil lagi terserlah pada Abdullah atau lebih mesra dikenali sebagai Pak Lah. Ini terbukti dengan perwatakannya yang lembut tetapi tegas, sederhana dan tidak kontroversi.

Beliau juga tidak cenderung dengan pendekatan politik 'mercun sumbu pendek', malah sentiasa bersedia menerima sebarang teguran dan kritikan secara terbuka.

"Abdullah adalah seorang pemimpin yang bersih dan bersikap lemah lembut tetapi mempunyai pendirian. Pak Lah lebih mewarisi sifat datuknya, seorang ulama serta ahli falak terkenal, Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim yang melihat politik sebagai satu ibadat serta fardu kifayah," kata Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas, teman rapat bapa Abdullah, Allahyarham Datuk Ahmad Badawi dan seorang tokoh veteran Umno di negeri ini.

Abdullah juga dilihat seorang yang tegas, tetapi pada masa yang sama adalah seorang pendengar yang baik, tidak mudah melatah dan sedia berunding dalam menyelesaikan apa juga perkara dan masalah yang timbul.

Sesungguhnya, latar belakang agama Pak Lah menjadi pelengkap kepada perwatakannya sebagai seorang pemimpin dan ahli politik.

"Pak Lah sebenarnya adalah seorang pemimpin yang tegas dan sentiasa berpegang kepada prinsip dan teguh kepada keputusan yang dibuat," kata Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Hilmi Yahaya.

Bakat kepemimpinan Pak Lah mula terserlah melalui pembabitannya dalam Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan kemudiannya Umno yang mana beliau terkenal sebagai pengamal politik bersih serta antipolitik pantas.

Pak Lah juga amat membenci politik wang. Malah, beliau menyifatkan politik wang sama seperti menjual dadah kerana kesan menjual undi itu boleh mengancam kestabilan dan keselamatan negara.

Dengan latar belakang agama yang kukuh dan pengalaman luas dalam politik serta pentadbiran negara termasuk menganggotai Kabinet pertama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak 22 tahun lalu, Abdullah sesungguhnya mempunyai kekuatan dan kemampuan yang selayaknya untuk menerajui Malaysia sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima.